

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

PLG 310 - Kaedah Mengajar Biologi I

Masa : [2 jam]

---

Jawab EMPAT (4) daripada soalan-soalan berikut. Tiap-tiap soalan bernilai 25 markah.

1. Katakan anda akan mengajar mengenai topik "Penyebaran Pleurococcus di batang pokok". Tuliskan objektif-objektif yang menyatakan tingkahlaku-tingkahlaku yang sesuai bagi setiap tahap kognitif dalam taksonomi Bloom yang boleh dicapai melalui pengajaran tersebut.

Apakah pula objektif-objektif dalam bidang afektif yang boleh turut dicapai dari pengajaran itu. Berikan sekurang-kurangnya 4 (empat) objektif yang paling sesuai.

(25 markah)

2. Bandingkan kesan-kesan motivasi yang terdapat pada cara yang digunakan oleh guru-guru berikut dalam memulakan pengajaran mereka.

GURU A : "Kelas, hari ini kita akan belajar mengenai bakteria-bakteria yang terdapat dalam udara."

GURU B : "Ramai orang berkata bahawa Iraq mempunyai senjata kimia dan biologi. Kalaulah Iraq menggunakan senjata biologinya dalam perang teluk, apakah kamu fikir akan terjadi?"

(25 markah)

...2/-

3. Anda hendakkan pelajar-pelajar anda mempelajari satu generalisasi iaitu "haiwan mamalia mempunyai jenis-jenis pergigian yang sesuai mengikut makanannya".

Terangkan dengan ringkas bagaimana anda akan mengajar pelajaran ini secara induktif.

Terangkan pula bagaimana jika sekiranya anda ingin mengajarnya secara deduktif.

(25 markah)

4. a) Tuliskan sekurang-kurangnya LIMA soalan yang anda akan tanyakan kepada pelajar-pelajar anda untuk menentukan bahawa mereka faham konsep "respirasi aneorobik".

- b) Apakah contoh-contoh dan bukan contoh-contoh yang anda akan gunakan untuk mengajar konsep "pengguna sekunder".

(25 markah)

5. a) Kerja makmal dalam biologi boleh dijalankan secara ilustratif atau pun secara penyiasatan (investigatif).

- i) Bilakah paling sesuai mengadakan teknik kerja makmal secara ilustratif?

- ii) Apakah kelebihan-kelebihan mengadakan teknik kerja makmal secara penyiasatan?

- b) Berikut ialah satu contoh kerja makmal secara ilustratif:

Pelajar disuruh membedahsiasat mulut lipas dengan menggunakan twizer berpandukan gambarajah berlabel yang terdapat dalam buku panduan makmal. Mereka dikehendaki mempelajari bahagian-bahagian mulut yang dinamakan mandibel, labrum, maxila dan lain-lain. Kemudian mereka disuruh melukis gambarajah bahagian-bahagian mulut tersebut ke dalam buku laporan makmal.

- i) Nyatakan apakah nilai-nilai pembelajaran yang boleh didapati daripada teknik kerja makmal begini.

- ii) Bagaimanakah teknik ini dapat ditukar supaya ianya menjadi satu teknik kerja makmal penyiasatan?

(25 markah)

- oooOooo -